



# KENYATAAN TENDER

## (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

### TENDER PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN BURUNG TASIK DAN WETLAND, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA NO TENDER : PPj/T/JR/13/2022

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Syarikat bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang menganggotai bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<b>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 070301 Dan 070302 Atau 222103</b> <b>&amp;</b> <b>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk Bumiputera.</b>	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slaid) mulai: <b>1 Mac 2022 (Selasa)</b> di pautan berikut: <a href="https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a> <b>Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan</b>	<b>1 Mac 2022 (Selasa)</b> sehingga <b>16 Mac 2022 (Rabu)</b> Kaunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM250.00</b> (Tidak Dikembalikan) <b>Tunai/Draf Bank</b> Perbadanan Putrajaya	<b>23 Mac 2022 (Rabu)</b> <b>12.00 Tengah hari</b> Seksyen Perolehan dan Bekalan Perkhidmatan, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM50,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu**
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa dokumen/dokumen asal dan **satu (1) salinan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
7. Dokumen Tender ini akan ditutup pada **23 Mac 2022** bersamaan hari **Rabu** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

### **KAUNTER JUALAN TENDER/SEBUT HARGA, ARAS 3, BANGUNAN ANNEXE, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, 24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, 62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

9. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:

[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)